

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

8

www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

lokal



BACAAN tepat pada pengimbas suhu badan dapat elak penularan Covid-19.

PENGIMBAS SUHU BADAN CAP AYAM: MENTERI BERI NASIHAT

Pastikan KKM lulus

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pemilik premis perniagaan digesa menggunakan alat pengimbas suhu diluluskan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), tegas Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, alat berkenaan perlu mendapat kelulusan *Medical Device Authority* di bawah KKM sebelum dibenarkan dijual di pasaran.

"Pemilik atau pengusaha

premis tidak boleh beli sebarang, elok beli di farmasi bukan di pasar malam dan sebagainya. Itu yang menyebabkan berlaku perkara seperti ini (bacaan tidak tepat).

"Kalau dah beli, mereka perlu perhatikan dari segi ketepatan suhu. Kalau nampak ada masalah perlu hantar untuk dikaliberasi," katanya dalam sidang media harian di Putrajaya, semalam.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, pelanggan-

gan yang tidak berpuas hati dengan pemeriksaan suhu di mana-mana premis boleh membuat aduan kepada anggota pasukan khas pematuhan atau KKM.

"Polis tidak memantau dan memeriksa alat pengimbas suhu di setiap premis kerana bukan kepakaran mereka.

"Cuma yang penting adalah pengusaha mesti mengambil inisiatif melihat ketepatan alat itu," katanya.

Katanya, menjadi tanggungjawab pengusaha perniagaan dan pelanggan

memastikan penggunaan peralatan itu mematuhi piawaian.

Harian Metro sebelum ini melaporkan pelbagai persoalan ditimbulkan sama ada alat pengimbas suhu digital digunakan meluas untuk pemeriksaan suhu badan benar-benar menunjukkan bacaan tepat atau produk murahan 'cap ayam' yang sekadar memenuhi syarat.

Penggunaan alat pengimbas suhu dianggap 'lesen' bagi membolehkan orang ramai memasuki premis perniagaan, bangunan pejabat, kemudahan awam dan pelbagai sektor lain kini diragui ketulenannya.

Pengimbas suhu bermasalah perlu dikaliberasi